



Kenyataan MERCY Malaysia dalam memberi sokongan terhadap gesaan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, António Guterres's untuk pembukaan Koridor Kemanusiaan untuk Gaza

Kuala Lumpur, 13 Oktober 2023 – MERCY Malaysia menyokong penuh gesaan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) agar sebuah koridor kemanusiaan dibuka bagi membantu dan melindungi orang awam di Semenanjung Gaza dari serangan yang dilancarkan oleh Israel. Seruan ini berdasarkan kepada keadaan yang semakin teruk di Gaza, di mana ribuan nyawa orang awam sedang diancam krisis kemanusiaan yang dahsyat. Atas dasar kemanusiaan, kita mesti bertindak pantas dan tegas dalam menangani krisis ini.

Gaza telah lama bergelut dengan penindasan yang telah wujud sekian lama, dan kini semakin diambang malapetaka. Situasi kemanusiaan semasa disana amat memprihatinkan, dimana penduduk Gaza sedang mengalami kekurangan keperluan asas yang kritikal. Orang awam termasuk wanita, kanak-kanak dan orang tua, mengalami kesukaran yang sukar dibayangkan, dan nyawa mereka juga terancam. Kemelut yang dihadapi oleh mereka memerlukan perhatian dunia dan para pekerja kemanusiaan.

Dr Ahmad Faizal Perdaus, Presiden MERCY Malaysia, dalam sokongan beliau terhadap gesaan tersebut menyatakan, "Dunia sedang menyaksikan krisis kemanusiaan dahsyat yang belum pernah berlaku sebelum ini di Gaza. Rakyat Gaza bukan sahaja kehabisan makanan, air dan elektrik, tetapi hak mereka kepada bekalan perubatan dan perkhidmatan perubatan sedang dinafikan. Pembukaan koridor kemanusiaan untuk menyalurkan bantuan ke Gaza adalah keperluan utama yang mendesak."

MERCY Malaysia menyokong penuh gesaan PBB agar menyegerakan pembukaan koridor kemanusiaan ke Gaza bagi memastikan aliran bantuan kemanusiaan dapat dibuat dengan selamat. Koridor ini mesti dilindungi, dihormati dan semua organisasi dan agensi yang terlibat dalam misi bantuan kemanusiaan perlulah diberi akses laluan. Semua pihak yang terlibat dengan misi kemanusiaan, termasuk MERCY Malaysia sendiri, perlu diberi perlindungan sewajarnya agar dapat beroperasi dengan selamat dalam menyampaikan bantuan kepada pihak yang memerlukan.

Pembukaan koridor kemanusiaan ke Gaza bukanlah persoalan politik atau sempadan geografi. Ianya merupakan keperluan kemanusiaan demi menyelamatkan nyawa manusia dan untuk mengurangi penderitaan mangsa konflik. Bantuan kemanusiaan dan keperluan asas seperti makanan, bekalan air bersih, peralatan perubatan dan minyak perlu disalurkan melalui koridor kemanusiaan ini bagi memastikan rakyat Gaza dapat meneruskan kehidupan harian mereka.

MERCY Malaysia bersedia untuk bekerjasama dengan agensi-agensi lain dalam usaha mengurangkan penderitaan rakyat Gaza. Kami menyeru masyarakat antarabangsa untuk bersama-sama kami dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan ini. Usaha ini perlu diambil dari sekarang dan tidak boleh dilengahkan lagi bagi mengelak keadaan menjadi semakin dahsyat.

Presiden MERCY Malaysia juga menegaskan bahawa "Kita tidak boleh mengabaikan tangisan dan rayuan pertolongan dari Gaza serta perlu bertindak dengan segera untuk menjalankan tanggungjawab bagi melindungi dan membantu mereka yang memerlukan. Menjadikan orang awam sebagai sasaran perang serta pertumpahan darah ini perlu dihentikan sekarang.

